

No. Ruj. : USMJPBSM (aspiran) 9/14 Jld. XIX

Tarikh : 20 Mac 2025

Kepada : Semua Pegawai Pentadbiran dan Guru Bahasa
Kumpulan Pengurusan & Profesional
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellery Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 17 TAHUN 2025

- EKSES AIS KENA I KAN PANGKAT SECARA 'ONE-OFF' KEPADA PEGAWAI PENTADBIRAN DAN GURU BAHASA – KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) DI BAWAH SISTEM SARAA N PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 12 November 2024 dengan nombor rujukan JPA.(S).600-1/3/26 (18), juga mengenai perkara yang sama.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti sedang menguruskan pelaksanaan eksesais kenaikan pangkat secara 'one-off' kepada **pegawai pentadbiran dan Guru Bahasa (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)** Universiti ini di **Gred 9, Gred 10 dan Gred 12 di bawah skim-skim perkhidmatan Universiti ini yang melayakkan serta telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Surat Edaran pihak JPA bertarikh 12 November 2024** tersebut. Dalam hal ini, bagi kumpulan pegawai yang telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan akan melalui proses pertimbangan selanjutnya oleh pihak Universiti termasuk perakuan Ketua Jabatan dan kehadiran/prestasi sesi temu duga.

3. Untuk perhatian tuan/puan, hanya pegawai yang memenuhi semua syarat yang ditetapkan di bawah skim perkhidmatan yang melayakkan akan diberi pertimbangan oleh Universiti di bawah pelaksanaan ekksesais kenaikan pangkat secara 'one-off' ini, selaras dengan ketetapan Surat Edaran pihak JPA bertarikh 12 November 2024. **Tiada rayuan akan dipertimbangkan bagi kes-kes pegawai yang tidak memenuhi semua syarat yang ditetapkan** kerana ini adalah di luar bidang kuasa Universiti.

4. Pegawai yang dipertimbangkan kenaikan pangkat secara 'one-off' (ke satu gred yang lebih tinggi) **perlu menjalani tempoh pemangkuan selama satu (1) tahun** dan akan diberikan elaun pemangkuan serta lain-lain elaun yang melayakkan pada gred yang dipangku. Selanjutnya, pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat secara hakiki setelah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat berdasarkan peraturan-peraturan dan pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa serta syarat Universiti.

5. Bersama ini disertakan **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B** yang mengandungi perincian mengenai senarai skim perkhidmatan yang melayakkan di Universiti ini dan syarat-syarat yang ditetapkan bagi kelayakan pegawai di bawah ekksesais kenaikan pangkat secara 'one-off' ini untuk rujukan dan perhatian :-

LAMPIRAN A : Senarai skim yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara 'one-off' di USM

LAMPIRAN B : Syarat-syarat pegawai yang melayakkan untuk kenaikan pangkat secara 'one-off'

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 17 TAHUN 2025

- EKSESAIS KENAIKAN PANGKAT SECARA 'ONE-OFF' KEPADA PEGAWAI PENTADBIRAN DAN GURU BAHASA – KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) DI BAWAH SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

6. Pihak Bahagian Sumber Manusia - BSM (Jabatan Pendaftar, Kampus Induk), Jabatan Pendaftar di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan akan memberi pengesahan berkenaan pertimbangan yang sedang dibuat di peringkat Universiti kepada kumpulan pegawai yang telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan **melalui e-mel pada 21 Mac 2025 (Jumaat)**.

7. Satu sesi taklimat kemajuan kerjaya dan pelaksanaan eksekutis kenaikan pangkat secara 'one-off' ini akan diberikan oleh pihak BSM secara fizikal dan dalam talian (*online*) dengan butirannya seperti berikut :-

- Tarikh = **24 Mac 2025 (Isnin)**
- Masa = **11.30 pagi – 12.30 tengahari**
- Tempat = **Dewan Persidangan Universiti (DPU), Kampus Induk**
- Pautan Webex = **Pautan 1: <https://rb.gy/qmo2c1>**
= **Pautan 2: <https://rb.gy/yagkq9>**

8. Kaunter khas pertanyaan mengenai pelaksanaan eksekutis kenaikan pangkat secara 'one-off' ini akan dibuka oleh pihak BSM dan Jabatan Pendaftar di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan pada **25 Mac 2024 (Selasa)**, mulai jam **10.30 pagi hingga jam 3.30 petang**. Tempatnya adalah seperti berikut, mengikut kampus :-

- Kampus Induk/IPPT = **Bilik Seminar BSM, Aras 2, Bangunan Canselori**
- Kampus Kejuruteraan = **Pejabat Jabatan Pendaftar**
- Kampus Kesihatan = **Pejabat Jabatan Pendaftar**

9. Manakala pegawai-pegawai berikut boleh dihubungi jika mempunyai sebarang pertanyaan lanjut :-

Kampus	Butiran Pegawai	No. Sambungan / E-Mel
Induk & IPPT	Cik Hazwani Binti Abdul Karim Penolong Pendaftar Kanan Unit Kemajuan Kerjaya, BSM, Jabatan Pendaftar	6105 / wani.karim@usm.my
Kejuruteraan	Encik Mior Zulbahri Bin M. Chek Timbalan Pendaftar Jabatan Pendaftar	5010 / mzmc@usm.my
Kesihatan & HPUSM	Puan Nurashikin Binti Mohd Ishak Penolong Pendaftar Kanan Unit Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pendaftar	2040 / shikin@usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 17 TAHUN 2025

- EKSESAIS KENAIKAN PANGKAT SECARA 'ONE-OFF' KEPADA PEGAWAI PENTADBIRAN DAN GURU BAHASA – KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) DI BAWAH SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)
-

10. Segala perhatian tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

11. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Pentadbiran BSM

s.k. Naib Canselor

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah, Kampus Kejuruteraan

Pengarah, Kampus Kesihatan

Pengarah, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Pengarah, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)